

07/06/1997

The Harrods akan buka kedai di KLIA

Karim Sulaiman

GEDUNG beli-belah terkenal dunia, The Harrods akan membuka kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, kedua seumpamanya di Asia.

Pembukaan gedung beli-belah berprestij dunia ini mencerminkan keyakinan The Harrods kepada KLIA, yang bakal menjadi lapangan terbang sibuk dunia.

Pemilik The Harrods, Mohamad Al-Fayed, berkata kedai seluas 650 meter persegi itu turut menjual barangan buatan Malaysia yang didapati menepati ciri-ciri mutu barangan pusat beli-belah berkenaan.

"Kita akan membuka peluang kepada pengusaha Malaysia untuk menghasilkan barangan bagi dijual di kedai bebas cukai The Harrods di KLIA," katanya kepada pemberita Malaysia di Pusat Penyelidikan Frazer-Nash di Surrey, kira-kira 50 kilometer dari London sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke pusat itu, kelmarin.

(END)